

18 AUG 1999

DR MAHATHIR LAWAT PAHANG 6 DAN 7 SEPT

KUANTAN, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Pahang pada 6 dan 7 Sept ini dalam siri kunjungannya ke seluruh negara bagi menjelaskan isu-isu semasa.

Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob berkata Perdana Menteri akan menyampaikan satu amanat pada perhimpunan raksasa pada hari kedua lawatannya.

Bagaimanapun tempat perhimpunan itu belum ditetapkan lagi, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Pada hari pertama, Dr Mahathir dijadual menemui pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk guru-guru sekolah di Kuantan selain mengadakan pertemuan dengan pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan anggota Badan Perhubungan Umno negeri.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pula mempunyai beberapa acara berasingan bersama anggota perkumpulan wanita negeri dengan melawat pusat-pusat kebajikan.

Sebelum ini, Dr Mahathir telahpun melawat Negeri Sembilan, Perak, Sarawak, Melaka, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan dan Terengganu.

-- BERNAMA

RZS MAI